



BEBERAPA penduduk Sungai Gabai menunjukkan pelan kawasan tanah mereka.

Penduduk hampa gagal miliki tanah Sungai Gabai um 18/9

HULU LANGAT 17 Sept. - Seramai 106 penduduk di sekitar Sungai Gabai di sini, hampa atas kegagalan mendapat hak milik tanah seluas 153.78 hektar yang telah diterokai sejak 66 tahun lalu bagi tujuan pertanian.

Paling dikesalkan, dakwa penduduk, Pejabat Tanah Daerah Bandar Baru Bangi memaklumkan masih menunggu laporan permohonan itu kerana tanah itu masih dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula mendakwa laporan yang dihantar berhubung permohonan itu tidak lengkap.

Lebih mengecewakan, ketika diajukan perkara itu kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dusun Tua, Rahmad Musa, mereka diminta mengemukakan permohonan baru.

Wakil penduduk, **Supirman Mohd. Noor**, 37, berkata, status tanah sebagai hutan simpan tidak boleh dijadikan alasan kerana penduduk kawasan lain mendapat hak milik tanah yang mempunyai status sama.

"Penduduk di Bukit Cherakah, Kuala Selangor; Sungai Lalang, Broga, Semenyih dan Hulu Langat boleh mendapat hak milik geran tanah sedangkan kawasan berkenaan juga hutan simpan," katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Status tanah di Sungai Gabai telah diisytiharkan oleh kerajaan negeri sebagai kawasan hutan simpan setelah ia gagal dituntut sekian lama.

Supirman memberitahu, penduduk telah mengikut prosedur yang ditetapkan semasa membuat permohonan tetapi masih belum mendapat maklum balas daripada mana-mana pihak.

"Malah, permohonan penduduk mendapat sokongan daripada ADUN pada masa itu, Datuk Dr. Zainal Abidin Ahmad dalam satu perjumpaan dengan penduduk pada 22 Januari 1994," katanya.

Difahamkan, selepas diteroka, tanah berkenaan menjadi sumber mata pencarian penduduk dengan mengusahakan sawah padi dan tanaman kekal seperti buah-buahan manakala selebihnya dijadikan tapak kediaman.

Menurut Supirman, ADUN atau Ketua Kampung seharusnya berperanan mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan pihak berkaitan bagi membantu mengatasi masalah dihadapi penduduk.

"Selepas lima penggal memerintah, wakil rakyat kawasan berkenaan seolah-olah bersikap 'lepas tangan' sehingga menyebabkan masalah itu lama tertangguh," katanya.

Supirman memberitahu, dia mengambil keputusan untuk secara serius membantu penduduk berjuang mendapatkan hak milik tanah sejak dua tahun lalu kerana para pahunan itu terlalu lama diabaikan.